

TEKS UCAPAN
YBHG PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SMART HYDRO-BIKE MELESTARIKAN
SUNGAI MELAKA BERSAMA PERBADANAN PEMBANGUNAN
SUNGAI DAN PANTAI MELAKA (PPSPM)

TARIKH: 11 DISEMBER 2023 (ISNIN) , MASA: 10.30 PAGI
DI DATARAN PENGKALAN RAMA, PERBADANAN
PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA (PPSPM)

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Bismillahirrahmanirrahim,



Terima kasih saudara pengacara majlis;

Yab Datuk Seri Utama Ab Rauf Bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Yang Berhormat Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri
Melaka;

Yang Berhormat Datuk Fairul Nizam Bin Roslan,
Exco Sains, Teknologi, Inovasi Dan Komunikasi Digital;

Yang Berhormat Exco dan Timbalan Exco;

YBhg. Datuk TPr. Haji Murad bin Haji Husin,
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai
Melaka (PPSPM);

Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil, Mufti Kerajaan
Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Seri-Datuk Seri, Datuk-Datuk, Datin- Datin, Dif- Dif
Kehormat, rakan-rakan media;

Seterusnya para hadirin, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian;

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya
dapat kita semua berkumpul pada hari ini untuk menjayakan Majlis
Perasmian Smart Hydro-Bike Melestarikan Sungai Melaka Bersama
Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM).

Hadirin yang dihormati sekalian,

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Untuk makluman YAB Datuk Seri Utama, Smart Hydro-Bike merupakan
inisiatif dan idea yang diketengahkan oleh Universiti Teknikal Malaysia
Melaka (UTeM) untuk memberi kesedaran dalam memulihara sungai dan
meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dan alam sekitar. Selain
digunakan untuk aktiviti riadah, konsep unik basikal-hidro mampu membantu
dalam proses pembersihan sampah yang terapung dipermukaan air. Basikal
ini juga dilengkapi dengan ciri keselamatan seperti peranti untuk mengesan
lokasi basikal bertujuan untuk pengumpulan data berdasarkan “Internet of
Things” (IoT).

Pelaksanaan program Smart Hydro-Bike dalam usaha pembersihan sungai Melaka mendapat kerjasama erat dari Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM). Usaha mengangkat inovasi ini merupakan salah satu pencapaian KPI Flagship 7 dibawah Teknologi di dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ 2035). Selain itu, Smart Hydro-Bike juga menjajar aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals/SDG*) yang ke-6 iaitu dalam usaha melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air.

Program Perasmian Smart Hydro-Bike Melestarikan Sungai Melaka ini merupakan kesinambungan daripada program Bengkel Penggunaan Smart Hydro-Bike Bagi Melestarikan Sungai Melaka yang telah dilaksanakan pada 14 Jun 2023 dan Pertandingan Robotik Untuk Menjaga Kelestarian Sungai Melaka yang berlangsung pada bulan Ogos hingga November 2023.

Program-program yang dianjurkan oleh Unit Edu-Pelancongan, Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka, Universiti Teknikal Malaysia Melaka ini melibatkan *Knowledge Transfer Program* (KTP) dan *Training of Trainer* (ToT) dengan penglibatan peserta di kalangan staf serta pelajar UTeM, pelajar sekolah, dan juga staf dari PPSPM. Penganjuran program-program ini juga bertujuan untuk menguji kreativiti dan kebijaksanaan peserta dalam menyelesaikan masalah kebersihan sungai-sungai terutama sungai di Melaka. Ianya juga merupakan salah satu strategi untuk melahirkan teknologis dan jurutera yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa seterusnya dapat mendepani cabaran Revolusi Industri (IR) 4.0.

Penganjuran program ini juga adalah selaras dengan inisiatif Melaka Smart City dan mengangkat usaha kolaborasi pelbagai pihak untuk pembangunan negeri Melaka khususnya. Program ini telah mendapat sambutan yang amat

baik terutama dari pihak Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM), Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan juga peringkat sekolah di Negeri Melaka.

Secara tidak langsung program seumpama ini dapat memupuk dan menerapkan kesedaran mengenai penjagaan sungai kepada semua lapisan masyarakat terutamanya murid-murid sekolah rendah dan menengah. Ianya adalah bagi memastikan pencemaran sungai tidak berulang serta jenayah alam sekitar dapat dikekang supaya kelestarian sungai berada di tahap yang terbaik untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Selain itu, ia juga dapat melestarikan hubungan antara universiti, kerajaan, industri, sekolah dan komuniti (Quadraple Helix Engagement Model) yang boleh memberikan kesejahteraan kepada masyarakat melalui peningkatan nilai komersial. Di samping itu, ia juga dapat menghidupkan aktiviti-aktiviti yang menarik di sekitar Sungai Melaka.

Hadirin yang dihormati sekalian,

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Harapan saya agar kita dapat bersama-sama menjaga kesejahteraan dan kelestarian alam sekitar kerana ianya adalah Anugerah Tuhan yang perlu kita hargai dan memulihaunya. Nikmat yang kita terima pada hari ini adalah amanah serta pinjaman daripada generasi akan datang. Sampai pada masanya, kita harus memulangkan semula khazanah alam ini kepada mereka dengan keadaan yang sangat baik.

Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang menyertai Pertandingan Robotik untuk Menjaga Kelestariaan Sungai Melaka. Semoga ianya dapat memberi manfaat yang besar kepada semua peserta khususnya pelajar-pelajar sekolah.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM), Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, pegawai-pegawai Agensi Kerajaan Negeri, serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perasmian Smart Hydrobike pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Ahli Jawatankuasa yang telah mengatur pelbagai program dan aktiviti sejak awal pagi lagi. Sokongan padu dan kerjasama erat Jabatan dan Agensi serta saudara saudari semua telah membolehkan program kita pada hari ini berlangsung dengan lancar.

Saya sudahi ucapan ini dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

